

Isu *Al-Mujarrabat* Menurut Perspektif *Qiyas al-Shabah*
The Issue of *Al-Mujarrabat* According to *Qiyas al-Shabah* Perspective

NIK MOHD SOFA'URRAHMAN BIN NIK MOHD ROSDI, SYED MOHD JEFFRI BIN SYED JAAFAR
& ABDUL KARIM BIN ALI*

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

*Corresponding Author; email: abdkarim@um.edu.my

Received: 25 October 2022 / Accepted: 5 January 2023

ABSTRACT

The issue of al-mujarrabat is one of the khilafiah issues which is hotly debated among religious scholars in Malaysia particularly. There are issues that are often disputed by some Muslim groups such as the issue of zikr which is not done by the Prophet Muhammad; for instance, zikr with the pronouncement of Allah with certain number; the issue of blowing on water after reciting a verse of al-Quran and others. This dispute or contention stems from total abuse. Qiyas al-Shabah is among the instruments in fiqh motion debate which is important in helping to elicit 'illah from certain issues and nas. When certain issues are separated and studied, there will be a lack in each qiyas made by certain religious scholars. Each of the responded issues by the certain religious scholars will usually involve the process of qiyas indirectly. So, this Qiyas al-Shabah will organize, and correct the issues that had been evaluated by them, by putting on more accurate issues to be evaluated. This research is a qualitative study as it relates to the debate of a theory that will involve the study of data in the references of classical and contemporary books and subsequently implemented in an issue and case. As a result of the implementation of Qiyas al-Shabah into this issue, it is found that the point of view of those who reject it is due to a literal understanding of a hadith or athar.

Keywords: Qiyas al-Shabah; al-Mujarrabat; ikhtilaf al-Fuqaha; al-Ruqyah al-Shar'iyah

ABSTRAK

Isu al-mujarrabat merupakan antara isu khilafiah yang hangat diperselisihkan dalam kalangan agamawan di Malaysia khususnya. Isu yang sering dipertikaikan oleh sebahagian pihak adalah isu zikir yang tidak dilakukan oleh Baginda Nabi seperti zikir dengan lafaz Allah dengan bilangan yang tertentu, isu meniup pada air hasil bacaan tertentu dan lain-lain. Pertikaian atau perbalahan ini berpunca daripada penyalahan secara total. Qiyas al-Shabah ini adalah di antara instrumen di dalam perbincangan Usul Fiqh yang penting dalam membantu mengeluarkan 'illah daripada isu-isu dan nas-nas tertentu. Apabila isu-isu tertentu diceraikan dan diteliti, maka akan didapati kekurangan dalam setiap qiyas yang dibuat oleh agamawan-agamawan tertentu. Setiap isu-isu yang direspon oleh beberapa agamawan tertentu biasanya akan melibatkan secara tidak langsung proses pengqiyasan. Maka Qiyas al-Shabah ini akan mengatur, dan memperbetul isu-isu yang diqiyaskan oleh mereka, dengan meletakkan pada isu yang lebih tepat untuk diqiyaskan. Penyelidikan ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif kerana ia berkaitan dengan perbincangan sesuatu teori yang akan melibatkan pengkajian data-data di dalam rujukan-rujukan kitab-kitab klasik dan semasa seterusnya diimplementasikan di dalam sesuatu isu dan kes. Hasil implementasi Qiyas al-Shabah ke dalam isu ini didapati bahawa sudut pandang mereka yang menolak adalah disebabkan oleh pemahaman secara literal pada sesuatu hadis atau athar.

Kata kunci: Qiyas al-Shabah; al-Mujarrabat; ikhtilaf al-Fuqaha; al-Ruqyah al-Shar'iyah

PENGENALAN

Qiyas al-Shabah adalah salah satu perbincangan penting di dalam bab *al-Qiyas*. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam menerimanya sebagai ilmu yang boleh diguna pakai untuk pengeluaran hukum. Namun, perbezaan mereka adalah pada ciri *qiyas* yang berbolak-balik diantara diterima atau ditolak secara seimbang. Bukan pada maksud *qiyas* yang diberatkan salah satu *wasf* yang diterima oleh hampir kesemua ulama sepertimana yang diisyaratkan oleh Imam al-Ghazali (al-Ghazali 1993). Penulis kepada kitab *al-Ibhaj Sharah Minhaj* telah mendefinisikan *Qiyas al-Shabah* sebagai “suatu jenis sifat yang seiringan dengan hukum tertentu yang mempunyai kesesuaian daripada sudut sampingan bukan pada zatnya, atau boleh dikatakan dengan hubungan yang lazim dengan sesuatu dan pengertian ini dinukilkan daripada Qadi al-Baqilani (Taqiuddin al-Subki & Taj al-Subki 1981). Dinukilkan juga daripada kitab *al-Talkhis Fi Usul al-Fiqh* bahawa penulis telah mendefinisikan *Qiyas al-Shabah* itu sebagai suatu proses memasukkan persoalan cabang ke dalam persoalan yang asal, hal ini disebabkan banyaknya persamaan persoalan cabang dengan yang asal. Perlu diiringi dengan syarat tidak menganggap *illah* yang menghubungkan antara kedua-duanya itu bukan *illah* hukum persoalan asal” (al-Haramain al-Juwaini t.th.).

Menerusi kefahaman terhadap *Qiyas al-Shabah*, dapat dilihat fungsi *qiyas* ini terhadap isu-isu khilafiah. Terdapat isu khilafiah yang berlaku adalah berpunca daripada kesilapan dalam memahami dan meletakkan sudut pandang ketika berhujah. Isu al-Mujarrabat adalah diantara isu diperselisihkan yang penting untuk dibahas secara ilmiah. Kerana isu ini biasanya menjadi pertikaian di antara dua aliran besar di Malaysia ini. Terdapat aliran yang hanya berpada kepada literal nas sahaja terutamanya di dalam soal ibadat khusus. Mereka ini menggelarkan diri mereka sebagai salafi (Mohamed Ali 2019). Kumpulan yang menggelarkan dirinya bermanhajkan dengan manhaj salaf mempunyai beberapa aliran antaranya adalah aliran salafi rasmi di negara Saudi Arabia, *Salafi Madkhali*, *Salafi Albani*, *Salafi Ikhwani* dan lain-lain (Mohamed Ali 2019).

Di sana juga terdapat manhaj tradisional yang berpegang kepada fiqh Shafi'i (Saadan & Abdul Karim 2005) di dalam ibadah praktikal dan bermanhajkan dengan akidah manhaj *al-Ashairah* (Adam 2015). Pengkaji telah meneliti beberapa kajian tesis atau jurnal yang telah menumpukan perbincangannya

di dalam perbincangan *Qiyas al-Shabah*, namun perbincangan tersebut tidak diimplementasikan ke dalam isu semasa yang berlaku di Malaysia. Menerusi pelbagai jalur idea kajian yang telah dilontarkan oleh pelbagai pengkaji telah membenihkan satu idea untuk membawa tajuk implementasi *Qiyas al-Shabah* terhadap isu *al-Mujarrabat* di dalam masyarakat melayu. Isu ini difokuskan kepada penyampaian para agamawan Malaysia di dalam rakaman-rakaman kuliah dan tulisan-tulisan mereka di pelbagai platform. Pengkaji telah berhasrat untuk mengarahkan perbincangan tesis pada isu *al-Mujarrabat* para agamawan menurut perspektif *Qiyas al-Shabah*.

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Qiyas al-Shabah adalah suatu perbincangan ilmu yang penting dalam membicarakan mengenai *illah* dan ia merupakan perbincangan yang luas di dalam bidang ilmu *Usul Fiqh*. Hal ini juga telah diisyaratkan oleh Ibn al-Tilimsani dengan menyebut bahawa ilmu *Qiyas al-Shabah* ini hanya dihayati oleh mereka pintar dan cerdik (Abdullah al-Fihri 1999). Jika dipraktikkan *Qiyas al-Shabah* kepada isu-isu semasa yang berlaku dalam kalangan para agamawan di seluruh negeri di Malaysia, akan dapat melebarkan lagi kefahaman terhadap latar belakang kajian ini. Terdapat persoalan yang telah dibangkitkan oleh para agamawan yang boleh mencetuskan kontroversi. Terdapat juga sebahagian agamawan yang memberi pendapat yang secara tidak langsung sebenarnya membawa kepada kekeliruan. Terdapat sebahagian agamawan juga, mempunyai pemikiran yang tersasar daripada aliran *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah* (Zakaria Stapa 2011). Pelbagai persoalan yang berbangkit, akan dibuktikan selepas ini. Lantaran daripada pelbagai permasalahan ini, maka telah membangkitkan suatu keperluan solusi untuk menyelesaikan permasalahan ini. Jika dilihat kepada perselisihan antara agamawan, maka dapat disimpulkan punca perbezaan ini adalah kerana tabiat isu tersebut yang terdedah kepada *Qiyas al-Shabah*.

Kebanyakan isu-isu semasa tabiatnya terdedah kepada *Qiyas al-Shabah* yang sekali gus menyebabkan ketegangan berlaku dalam kalangan agamawan dan juga Jabatan Fatwa Negeri (Fatwa Negeri Perak 2004) dan Wilayah (PPZ MAIWP 1999). *Qiyas al-Shabah* ini, telah pun berlaku pada zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* lagi. Seperti dalam hadis riwayat muslim:

Daripada Ibn `Abbas berkata:

جَاءَتْ امْرَأَةً إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أُمَّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمٌ نَذْرٌ، أَفَأَصُومُ عَنْهَا؟ قَالَ: «أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ فَقَضَيْتِيهِ، أَكَانَ يُؤَدِّي ذَلِكَ عَنْهَا؟» قَالَتْ: نَعَمْ، قَالَ: «فَصُومي عَنْ أُمِّكَ»

Terjemahannya: seorang wanita telah datang berjumpa Rasulullah *sallallahu `alaihiwasallam* dan berkata: wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah mati, dan ibuku masih menanggung hutang puasa nazar, adakah boleh aku menggantikan untuknya? Jawab Baginda: “Bagaimana pendapat kamu, jika ibumu mempunyai hutang, adakah kamu akan menyelesaikannya?” berkata perempuan itu: ya, jawab Baginda: “gantilah puasa ibumu itu” (Muslim t.th.).

Hadis ini biasanya digunakan dalam penghujahan *Qiyas* (Ahmad 2016) secara umum. Imam Ibn Hajar al-`Asqalani mensyarahkan hadis tersebut dengan berkata: “Pada dalil ini, terdapat pensyariatan *Qiyas* dan contoh perbandingan yang bertujuan untuk memudahkan penjelasan dan dapat difahami. Pada hadith tersebut juga terdapat penghujahan perbandingan yang tidak disepakati oleh ulama (seperti *Qiyas al-Shabah*)” (Ibn Hajar 1379). Al-Imam al-Shafi`i sendiri telah menggunakan *Qiyas al-Shabah* sebagai alat untuk menyampaikan isu-isu tertentu kepada sesuatu hukum. Hal ini telah dinukilkan oleh Imam al-Zarkashi bahawa Imam al-Shafi`i telah berkata: “Seorang hamba apabila dibunuh, maka dikira nilainya seperti nilai bukan hamba, kerana permasalahan ini terhubung dengan dua asal. Pertamanya, persoalan ini terhubung dengan binatang. Hal ini kerana hamba itu ibarat barangan. Manakala yang kedua, ia berkait dengan orang yang merdeka daripada sudut kemanusiaan dan pertanggungjawaban sama ada mendapat pahala atau dosa” (al-Zarkashi 1929). Hasil *Qiyas al-Shabah* di atas, Imam al-Shafi`i telah memberatkan persamaan isu hamba dengan binatang kerana ciri-ciri barangan lebih hampir kepada ciri-ciri seorang hamba berbanding persamaannya dengan individu yang merdeka, maka hamba yang mati akan dihukum dengan nilai.

“Di dalam *mazhab al-Qadim* bagi Imam al-Shafi`i, beliau telah menghukumkan kewajipan mahar ke atas suami sekiranya dia berseorangan bersama isteri walaupun tidak terbukti secara jelas persetubuhan di antara keduanya. Hal ini dihukum, kerana ghalib pada berdua-duaan di dalam tempat yang tertutup, akan berlaku persetubuhan. Sifat kebiasaan berlaku jimak, menjadi sandaran kepada kewajipan membayar mahar. Hal ini adalah berdasarkan kepada hukum pengharaman berdua-duan bersama ajnabi” (Taqiuddin al-Subki & Taj al-Subki 1995).

Di dalam perbincangan *Qiyas al-Shabah*, terdapat khilaf dalam kalangan ulama daripada sudut penerimaan *qiyas* ini sebagai metode yang diterima di dalam perbincangan *`illah*. Imam al-Subki telah meringkaskan pendapat para ulama kepada 7 mazhab. Mazhab pertama mengatakan kebatilannya. Antara ulama yang mempeloporinya adalah Qadi al-Baqillani. Mazhab kedua berpendapat bahawa *Qiyas al-Shabah* berlaku daripada sudut hukum (al-Zarkashi), dan sudut gambaran. Apabila bertembung diantara kedua-duanya maka sudut hukum diutamakan. Mazhab ketiga pula berpendapat tiada beza di antara sudut hukum atau gambaran. Mazhab keempat berpendapat bahawa *Qiyas al-Shabah* boleh berlaku pada hukum sahaja. Mazhab kelima pula berpendapat ia berlaku pada gambaran sahaja. Mazhab keenam, berpendapat bahawa ia boleh berlaku sekiranya *`illah* lebih berat *zannya* kepada diterima, maka *Qiyas al-Shabah* diterima. Mazhab ketujuh, berpendapat bahawa *qiyas* hanya pada *ashbah* (*Ghalabah al-Ashbah*). Ketujuh-tujuh pendapat ini telah disimpulkan di dalam kitab *al-Luma`* (Al-Shirazi 2003), kitab *al-Mahsul* (al-Razi 1997) dan kitab *al-Ibhaj* (Taqiuddin al-Subki & Taj al-Subki 1995).

Perbezaan pendapat ulama di atas menatijahkan perbezaan isu-isu fiqh yang dibina. Perbezaan di dalam fiqh juga berpunca daripada perbezaan sudut pandang yang dilihat di dalam sesuatu isu dan perbezaan sudut nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang akan dihubungkan. Perbezaan pendapat di atas juga berpunca daripada usul atau metodologi mazhab yang berbeza. Titik perbincangan di dalam jurnal ini adalah, pada implementasi *Qiyas al-Shabah* dalam isu-isu khilafiah para agamawan di Malaysia. Pelbagai contoh permasalahan yang berlaku dalam kalangan agamawan di Malaysia. Terdapat persoalan hukum-hukum, menuntut kepada perbezaan sudut pandang.

Isu yang menjadi permasalahan kajian adalah isu kekurangan penilaian terhadap aspek-aspek yang lain di dalam perbincangan *`illah*. Apabila dilihat perbincangan ilmiah di dalam perdebatan atau isu-isu khilafiah para agamawan, didapati kekurangan mereka dalam menilai *al-Shabah* ketika ingin merespon sesuatu isu. Terdapat sebuah klip video di youtube (Omar 2022) yang membahas dan merespon kenyataan yang berbunyi “meminta tolong dengan orang yang sudah mati”. Seorang agamawan tidak bersetuju untuk mengatakan bahawa seseorang yang telah mati masih boleh bertindak sepertimana orang yang masih hidup iaitu memberi pertolongan kepada orang yang masih hidup. Manakala hujah agamawan

yang menerima konsep ini telah mengatakan bahawa orang yang telah mati, masih terdapat berkat daripadanya dan beliau telah menyandarkan dengan ayat al-Quran yang mengatakan bahawa orang syahid itu masih hidup (Saluran Ilmu 2022).

Pendirian agamawan yang menolak hujah tersebut berpendapat bahawa, meminta pertolongan dan keberkatan hanya daripada Allah. Sesiapa yang meminta daripada orang yang telah mati, maka perbuatan tersebut syirik berdasarkan kepada perkataan anak *waliyullah al-Dahlawi*. Walaupun, beliau menukilkan perkataan yang mendakwa boleh meminta tolong akan tetapi beliau masih tidak memahami perkataan dakwaan tersebut. Bukti beliau tidak memahami dakwaan tersebut adalah pada kenyataan beliau yang berbunyi “syirik itu adalah menduakan Allah”. Beliau juga mengatakan, “sekiranya syirik itu, hanya menduakan Allah, maka orang musyrikin Makkah itu masih orang yang beriman”. Hal ini kerana, Allah telah berfirman di dalam al-Quran “apabila ditanya kepada musyrikin Makkah, siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Maka mereka akan mengatakan Allah”(al-Luqman 31:25). Agamawan yang merespon dan menolak isu meminta tolong dengan si mati, masih sedikit dalam mengumpul *al-Shabah* atau persamaan-persamaan di dalam isu ini.

al-Shabah yang perlu dikumpul di dalam persoalan ini adalah isu meminta pertolongan dengan manusia, adalah bersifat *majazi*, isu meminta tolong kepada wali adalah adab dalam berdoa bukan bab fiqh, isu tidak terdapat perbezaan antara meminta ketika masih hidup atau mati, dan isu maksud menduakan Allah, bukan tertakluk kepada perkataan namun merangkumi penyembahan. Asal persoalan menurut agamawan yang menolak isu ini adalah perkataan meminta atau memohon pertolongan daripada si mati adalah suatu kesyirikan. Isu cabang menurutnya pula adalah perkataan “aku meminta berkat daripada si fulan”. *Illah* kepada syiriknya perkataan tersebut adalah berdasarkan kepada ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa Allah memberi berkat (al-Mulk 67:1) (Ibn Baz 1420). Asal permasalahan menurut mereka yang membolehkan meminta dengan makhluk yang sudah meninggal adalah sepertimana dibolehkan meminta tolong kepada yang hidup. Isu cabang menurutnya pula adalah meminta tolong dengan yang telah mati. *Illah* kepada dibolehkan untuk meminta tersebut adalah berdasarkan ayat al-Quran yang menyebut bahawa orang yang syahid di jalan Allah itu adalah hidup (al-Baqarah 2:154) (al-Shihab al-Ramli t.th.)

Tambahan itu, pemilihan tajuk ini kesinambungan daripada kesalahfahaman masyarakat terhadap isu tertentu yang juga berpunca daripada kekurangan *Qiyas al-Shabah*. Hal ini juga boleh menatijahkan pelanggaran *shariat*. Antara contoh yang membuktikan salah faham masyarakat adalah berdasarkan kepada kenyataan yang ditulis oleh masyarakat Malaysia di Facebook. Antara kenyataan ditulis ketika merespon isu mengenai hadis Rasulullah itu berada pada kedudukan *zan* adalah perkataan yang ditulis oleh Benz Ali. Beliau mengatakan “Aku taknaklah pro siapa-sapa, sebab aku pun bukan ikut mana pun semua ni.. aku pun tak mendalami mana pun ilmu hadis.. tapi apa yang dikatakan oleh agamawan tu ada benda betul juga.. seorang yang berbohong, boleh jadi cakap benda betul.. sementara orang yang bercakap benda betul, boleh jadi berbohong.. ini secara teori, tapi berlaku je zaman sekarang” (Benz Ali 2021).

Terdapat lagi contoh yang menunjukkan kesalahfahaman seseorang terhadap kenyataan seorang agamawan dengan mengatakan “Hadis ini ikut keyakinan masing-masing nak percaya atau tidak. Tak ada siapa boleh sahkan sama ada Nabi pernah bersabda seperti di dalam hadis atau tidak. Kita tidak hidup di zaman nabi. Sebab itu, ada banyak perbezaan dalam urusan agama seperti urusan fiqh” (Khalid 2021). Di dalam video agamawan tersebut, selain kekurangan penerangan, terdapat juga punca yang lain antaranya adalah kekurangan *al-Shabah*. Beliau tidak meletakkan *al-Shabah* dalam isu penipuan para rawi. Beliau juga tidak meletakkan *Qiyas al-Shabah* dalam isu *qiyas* dalam bab hadis *ahad*. Natijah daripada kesilapan fahaman, sudah tentu akan membawa kepada kefahaman yang batil.

Qiyas al-Shabah yang sesuai untuk dibina di dalam isu hadis *ahad* ini adalah dengan menggambarkan situasi tersebut dengan cara perkhawaran zaman kini. Di manakah sudut *zan* yang dikehendaki dalam permasalahan ini. *Zan* yang dikehendaki pada hadis *ahad* tersebut adalah daripada sudut penisbahan kesalahan yang kemungkinan berlaku pada perawi. Namun begitu ia tetap dihukumkan sebagai wajib mengikutinya kerana *khbar ahad* ini telah diterima sebagai penghujahan di dalam fiqh menurut jumhur ummah (al-Zarkashi. 1988).

Kesimpulan daripada dua contoh isu, dapat diperhati gaya implementasi *qiyas al-Shabah* dalam sesuatu isu tertentu. Sesuatu isu tertentu, apabila difahami dengan sudut yang pelbagai, sebenarnya, ia dapat memperbanyakkan pertimbangan seseorang agamawan dalam merespon sesuatu isu. Hasil perbincangan ringkas yang diganding dengan bukti-

bukti isu semasa, pengkaji telah cenderung memilih untuk menulis satu jurnal yang bertajuk isu *al-Mujarrabat* menurut perspektif *Qiyas al-Shabah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan pendekatan rujukan yang berfakta, melibatkan pengkajian secara teori dan praktikal. Pengkajian teori yang dibuat adalah berkaitan dengan pengkajian ilmu *Usul Fiqh* yang menggarap persoalan *Qiyas al-Shabah* dan pengkajian ilmu khilafiah. Kajian yang berbentuk praktikal pula dirujuk kepada isu-isu khilafiah para agamawan terpilih di Malaysia. Hal ini melibatkan pencarian isu-isu khilafiah yang dibicarakan melalui platform ceramah yang disampaikan oleh para agamawan terpilih, dan ia juga melibatkan data-data semasa yang berbentuk penulisan-penulisan agamawan terpilih di media massa. Semua metodologi kajian ini diterangkan secara terperinci di bahagian reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Proses pengumpulan data disempurnakan berpandukan metode perpustakaan, kaedah pensejarahan dan kajian kes. Kajian perpustakaan adalah kajian yang disempurnakan dengan cara mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Mohd Sheffie 1987). Kajian perpustakaan telah dijalankan dengan membuat pencarian rujukan buku-buku, kitab-kitab, tesis-tesis dan jurnal-jurnal di perpustakaan utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Kajian melalui metode ini juga disempurnakan dengan pencarian di dalam internet dan perisian *Maktabah Shamilah*. Pengkajian melalui internet mempunyai pelbagai cara, antaranya dengan memuat turun buku-buku atau jurnal-jurnal ilmiah tertentu. Selain itu, ia juga melibatkan cara pemerhatian dan pembacaan menerusi laman sesawang rasmi seperti laman web institusi-institusi fatwa antarabangsa dan tempatan, laman sesawang Facebook, Blog dan Youtube dan laman web perbincangan ilmiah para agamawan semasa antarabangsa dan tempatan.

Kajian perpustakaan ini digunakan bertujuan mengkaji teori perbahasan *Qiyas al-Shabah* dan perkara yang berkaitan dengannya daripada sudut penghujahan para ulama, data isu khilafiah dalam perkara *al-Mujarrabat* yang menjadi sampel kepada kajian kes dan perbincangan ulama di dalam setiap isu tersebut. Kajian perpustakaan ini juga digunakan bagi mengkaji implementasi para ulama terhadap

Qiyas al-Shabah, kategori yang diterima dan ditolak, rujukan asal permasalahan dan bentuk praktikal *Qiyas al-Shabah* dalam kalangan ulama. Semua pengkajian perpustakaan ini melibatkan kitab rujukan asas umat Islam, rujukan kitab Fiqh Mazhab yang empat, dan kitab *Usul Fiqh* sama ada rujukan klasik atau kontemporari.

Kajian kes pula adalah satu metode yang digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji data yang spesifik. Kebiasaannya, data dipilih dari sampel yang besar (Zaidah 2007). Kajian ini juga telah disempurnakan dengan pencarian data-data melalui internet dan perpustakaan. Metode kajian ini digunakan oleh pengkaji untuk menyelidik isu-isu khilafiah dalam kalangan agamawan. Hasil daripada pengkajian dan analisis tersebut, pengkaji dapat merealisasikan sudut yang menjadi kajian asas, sekali gus dapat menyatakan sudut yang menepati Syariah dan sebaliknya, serta sudut yang rasional dalam pengaplikasian *Qiyas al-Shabah* dan kemudiannya disenaraikan di bawah senarai huraian peranan *Qiyas al-Shabah*. Isu-isu khilafiah tersebut dirujuk dalam rakaman video seperti laman sesawang Youtube, Facebook dan penulisan-penulisan mereka di media massa yang lain. Tujuan pengkajian ini dirujuk daripada sumber media massa adalah kerana kebanyakan perselisihan semasa yang berlaku adalah bertitik-tolak daripada platform media massa tersebut. Pengkajian melalui platform tersebut juga merupakan rujukan yang bersifat primer kerana ia difahami daripada rakaman lisan individu sendiri. Pengkaji juga akan memfokuskan agamawan tertentu sebagai bukti kepada peranan dan permasalahan kajian yang dianalisis.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

DEFINISI *AL-MUJARRABAT*

Sirajuddin al-Armawi mendefinisikannya secara bahasa sebagai sesuatu yang akal memerlukan kepada penelitian atau pemerhatian secara berulang-ulang dalam menegaskan sesuatu hukum (al-Armawi 1988). Zakariya bin Muhammad al-Ansari menyebut bahawa *al-Mujarrabat* bermaksud sesuatu diperlukan oleh akal kepada penelitian secara berulang-ulang dalam menegaskan sesuatu hukum (Abu Zakariya. t.th.). Yusuf al-Hafnawi pula menyebut bahawa *al-Mujarrabat* ini bertindak sebagai ilmu yang yakin, akan tetapi ia tidak boleh menjadi hujah untuk orang lain kerana berkemungkinan tidak sesuai untuk orang tersebut (Abu Zakariya t.th.). Muhammad Rida

memberikan contoh *al-Mujarrabat* seperti api sifatnya adalah panas, setiap benda yang berjirim apabila terkena panas, maka ia akan mengembang. Beliau juga mengatakan bahawa ilmu perubatan di antara ilmu *al-Mujarrabat* (Muhammad Rida t.th.). Al-Qarrafi juga telah memberi contoh dalam perbincangan dengan mengatakan bahawa lemon itu bercirikan masam, tamar itu sifatnya manis, dan lain-lain. Al-Qarrafi juga mengatakan bahawa *al-Mujarrabat* ini boleh mencapai tahap sangkaan yang berat kerana pengujian ke atasnya berulang-ulang (Al-Qarrafi 3791). `Aduddin menyebut bahawa perkara *al-Mujarrabat* ini boleh jadi tidak tepat apabila seseorang itu tidak menguji perkara tersebut dengan berulang-ulang (`Aduddin al-Ieji 2004). Definisi isu *al-Mujarrabat* secara istilah ialah perbalahan yang berlaku dalam kalangan para agamawan pada isu membaca ayat-ayat atau zikir-zikir tertentu dengan tujuan tertentu seperti pelindung, penguat ingatan, pagar rumah serta lain-lain pada air, atau benda-benda dan lain-lain.

PERBINCANGAN ULAMA DALAM ISU MUJARRABAT

Perbincangan isu *al-mujarrabat* akan mengaitkan beberapa isu. Isu yang terlibat adalah Isu melakukan sesuatu amalan yang tidak dilakukan oleh golongan salaf dan dikhususkan pada isu merenjis air pada kenderaan. Perkataan yang selalu diulang-ulang oleh golongan yang menolak amalan ini adalah “sekiranya perkara ini baik dan terpuji maka sudah tentu akan dilakukan oleh mereka yang berada dalam kurun yang terbaik” (Ibn Kathir 1988). Mereka (Syihabudin Ahmad 2021) tidak bersetuju dengan *ruqyah* yang tidak diamalkan oleh Nabi. Sesiapa yang menggunakan ayat-ayat tertentu di luar lafaz-lafaz yang digunakan oleh Nabi, maka tiada jaminan ketepatannya dengan syariat Islam. Terdapat agamawan mempertikaikan air dijampi digunakan pada perkara yang berkaitan dengan kerosakan akhlak, kemalasan dalam ibadat (Worldkuliah 2015). Terdapat agamawan yang bersetuju bahawa al-Quran adalah penawar dan penyembuh penyakit. Namun begitu, bukan semua ayat boleh dikhususkan untuk menyembuhkan penyakit (Geng Muslim 2018).

(a) Perbincangan Di Dalam Isu Sesuatu Amalan Yang Tidak Dilakukan Oleh Golongan Salaf

Sesuatu amalan yang tidak dilakukan oleh golongan salaf, bukanlah sesuatu garis panduan yang mutlak untuk digunakan. Hal ini kerana pengamalan

sesuatu ikutan tidak hanya tertumpu kepada perbuatan namun ia juga berkait dengan percakapan dan *taqirir*. Selain itu, terdapat amalan yang tidak dilakukan oleh Nabi tetapi dilakukan oleh para sahabat. Terdapat amalan para tabi`in yang tidak dilakukan oleh sahabat secara khusus. Di sini pengkaji ingin menegaskan lagi mengenai perbincangan ulama dalam perkara ini. Di dalam Arsyif Multaqa Ahli al-Hadis telah menyatakan bahawa telah datang daripada golongan salaf sebahagian daripada ibadat dan zikir yang tidak terdapat di dalam sunnah Nabi secara khusus (Ibn Muhaibis 2008). Isu ini juga mempunyai kaitan dengan perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi. Ada perkara yang berkaitan dengan sesuatu yang baru di dalam ibadat dan i`tiqad namun disebabkan oleh terdapat masalah yang berat untuk diwujudkan, maka semua ulama menerimanya seperti di dalam masalah mengadakan suatu manhaj ilmu seperti ilmu sifat 20 (Abdul Rahman M & Wan Haslan K 2019), ilmu fiqh, ilmu sifat tiga serangkai dan lain-lain. Perbicaraan isu ini, tidak perlu diperdalam kerana fokus yang ingin dibicarakan adalah isu perbuatan salaf.

Terdapat contoh yang menunjukkan bahawa para salaf telah melakukan suatu amalan yang tidak dilakukan oleh Baginda Nabi. Amalan tersebut adalah amalan tambahan pada lafaz qunut pada waktu subuh yang dilakukan oleh sayidina `Umar yang tidak dilakukan oleh Nabi *sallallahu `alaihi wasallam* (Ibn Abi Shaibah 1409). Sayidina `Uthman bin `Affan telah menambah pada lafaz jawapan di dalam iqamat (Ibn Abi Shaibah 1409). Ibn `Umar telah menambah lafaz di dalam bacaan tasyahud akhir di dalam solat (Abu Daud .9002 Terdapat contoh perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi *sallallahu `alaihi wasallam* yang dilakukan oleh salaf. Al-Nawawi juga pernah menyebut mengenai perkara *al-Mujarrabat*, beliau sendiri telah mengamalkan ayat untuk mencari barang yang hilang. Ayat tersebut berbunyi “*Ya Jami` al-Nas Li Yaum La Raib Fih Ijma` `Alayya dalati*”. Imam Nawawi berkata bahawa aku telah mencubanya dan aku mendapatinya bermanfaat setelah aku menjumpai sesuatu yang hilang. Imam Nawawi telah mempelajarinya daripada Abu al-Baqa` (al-Nawawi t.th.).

Jika dilihat kepada perbincangan ulama mengenai *ruqyah*, terdapat perkara yang baru yang berkait dengan perkara ini. Menurut laporan kes daripada sebuah jurnal bahawa “*ruqyah* adalah amalan yang digalakkan oleh Nabi Muhammad dipercayai sebagai ubat terapeutik untuk sebarang gangguan, dan boleh digunakan sebagai rawatan berasaskan kerohanian pelengkap kepada psikiatri arus perdana, membawa

pelbagai manfaat merentasi pelbagai kumpulan budaya” (Zul Azlin et al. 2018). *Ruqyah* itu bermaksud suatu lafaz-lafaz yang khusus yang disebut ketika itu dengan sebutan penyembuhan daripada penyakit, penguatan dan punca-punca kesakitannya (al-Qarrafi t.th.). Ibn Taimiah juga menyebut bahawa *Istirqa'* adalah meminta untuk *diruqyah* dan ia adalah salah satu jenis doa (Ibn Taimiah 1995). Ibn Qayyim sendiri menyebut dalam perbincangan rawatan sihir dengan zikir-zikir dan ayat-ayat bahawa keberkesanan sihir perlu ditolak dengan ayat-ayat, zikir-zikir dan doa-doa (Ibn Qayyim 1994). Jika dilihat daripada definisi ulama di atas, kebanyakan mereka tidak mensyaratkan ayat-ayat tertentu akan tetapi diumumkan.

Al-Maziri ketika berbicara mengenai ayat-ayat yang digunakan dalam *ruqyah*, beliau mengatakan bahawa semua jenis ayat-ayat yang digunakan dalam *meruqyah* adalah dibenarkan dan harus, selama mana ia wujud di dalam al-Quran dan zikir kepada Allah. Beliau juga mengatakan bahawa dilarang daripada mengucapkan di dalam perbuatan *ruqyah*, kalam-kalam bukan Arab atau yang tidak diketahui maknanya kerana keharusan untuk terjadi kekufuran dan kesyirikan (Iyad 1998). Seperti yang diketahui bahawa al-Maziri adalah antara ulama yang tidak membenarkan periwayatan secara makna (Al-Nawawi 1392). Al-Khattabi menyebut bahawa diharuskan untuk *meruqyah* dengan al-Quran, atau nama-nama Allah. Namun, yang menjadi makruh adalah apabila ia disebut dengan perkataan bukan Arab, kemungkinan mempunyai unsur kekufuran dan syirik (Al-Nawawi 1392). Ibn Taimiah menyebut bahawa sekiranya *ruqyah* itu diketahui maknanya, yang dibenarkan di dalam Islam, sama ada dalam bentuk doa atau zikir maka dibolehkan. Selagi mana ia tidak melibatkan kalimah yang haram atau kalimah yang tidak diketahui maknanya kerana ditakuti berlaku kemungkinan terdapat di dalam unsur-unsur kekufuran (Ibn Taimiah 1987).

Berdasarkan semua pendapat di atas mengenai ayat-ayat yang dibaca, semuanya mengumumkan ayat-ayat tersebut walaupun tidak disebut oleh Nabi. Hal ini bermakna bahawa perbuatan merenjis air pada bahan tertentu juga termasuk perkara yang baru dan berkaitan dengan *ruqyah*. Tidak ada perkara yang dikhususkan oleh ulama berkaitan dengan benda yang hendak *diruqyah*kan. Ibn Hajar al-'Asqalani telah menyebut bahawa ijmak ulama berpendapat bahawa diharuskan untuk *ruqyah* sekiranya dipenuhi tiga syarat iaitu mestilah menyebut dengan kalam Allah atau nama-namaNya, atau sifat-sifatNya. Kedua, mesti dengan bahasa Arab atau bahasa yang diketahui

maknanya daripada sesuatu yang lain. Ketiga, perlu meyakini bahawa *ruqyah* tersebut tidak memberi kesan secara zatnya bahkan daripada Allah (Ibn Hajar 1379). Semua pandangan ulama ini adalah berdasarkan hadis-hadis yang sahih. Antara hadis yang diperbincangkan dalam persoalan ini adalah hadis yang diriwayatkan oleh 'Auf bin Malik al-Ashja'i, yang berbunyi:

عرضوا علي رقاكم، لا بأس بالرقى ما لم يكن فيه شرك

Terjemahannya: Persembahkan kepada aku *ruqyah* yang kamu buat ketika kamu jahiliyah dulu. Tiada masalah pada *ruqyah* tersebut selagi mana ia tidak mengandungi kesyirikan. (Muslim t.th.)

Hadis lain yang juga menjadi perbincangan para fuqaha dalam bab ini adalah:

من استطاع أن ينفع أخاه فليفعل

Terjemahannya: sesiapa yang mampu untuk memberi manfaat kepada saudaranya maka lakukanlah. (Ahmad H 2001)

Di dalam laman sesawang Islam Web, telah menjawab perbincangan menyembur air yang telah dibaca dengan ayat-ayat *ruqyah* di dalam rumah. Pihak Islam Web telah menjawab dengan mendatangkan dalil mengenai solat dan membaca al-Quran di dalam rumah yang boleh mendatangkan keberkatan. Mereka telah mendatangkan dalil hadis Abu Hurairah yang mengatakan bahawa Baginda Nabi telah mengatakan yang bermaksud: “Jangan jadikan rumah kamu sebagai kuburan” (Muslim t.th.). Mereka juga menggunakan hadis riwayat Jabir yang bermaksud: “Sekiranya seseorang itu sudah selesai melaksanakan solat di masjid, maka jadikanlah bahagian solatnya di dalam rumahnya, sesungguhnya Allah menjadikan di dalam rumahnya hasil daripada solat tersebut dengan kebaikan” (Muslim t.th.). Laman sesawang ini adalah di antara laman yang selalu menukikan pendapat Ibn Taimiah, Ibn Qayyim dan al-Shatibi dalam permasalahan bidaah (Islam Web 2009).

Perkara *al-Mujarrabat* yang dilakukan oleh ulama, ghalibnya adalah secara bersand iaitu melalui gurunya yang mempunyai sanad daripada guru sebelumnya. Hal ini bertujuan untuk memastikan amalan yang dilakukan mencapai ke tahap yakin atau persangkaan yang berat. Sanad ini juga adalah suatu ukuran pembuktian di atas keberkesannya dan suatu panduan kepada tahap ketepatannya dengan lunas-lunas syariat. Contoh amalan yang terbukti keberhasilannya melalui *al-Mujarrabat* adalah amalan

barang yang hilang yang telah dinukilkan oleh al-Nawawi daripada gurunya Abu al-Baqa'. Al-Nawawi juga meriwayatkan di dalam kitab Risalah al-Qushairi di dalam bab Karamah al-Auliya', bahawa Ja'afar al-Khuldi telah kehilangan mata cincinnya. Lalu beliau telah berdoa dengan doa yang diambil daripada gurunya. Setelah dia berdoa dengan doa tersebut, lalu dia telah menjumpainya di celah helaian buku (al-Nawawi t.th.). Selain itu, terdapat contoh amalan bersanad yang dikategorikan sebagai *al-Mujarrabat* adalah seperti perkhabaran daripada 'Ali Jum'ah bahawa beliau telah ditanya mengenai sanad zikir "'Aziz" sebanyak 658 kali, adakah datang daripada Nabi? Lalu beliau menjawab bahawa di sana terdapat zikir yang disebut oleh ahli ilmu pada zaman dahulu, lalu diwarisi dengan pengamalannya sehingga ke hari ini, dan ia dinamakan dengan *al-Mujarrabat* (Isra' 2021).

'Ali Jum'ah mengatakan bahawa beliau telah menerima Selawat al-Nariyah daripada guru-gurunya secara bersanad yang perlu diulang-ulang sebanyak 4444 kali. Ini adalah di antara selawat yang sudah diuji keberkesannya. Beliau juga mengatakan bahawa sanad dalam berzikir ini untuk mengalirkan keberkatan daripada amalan tersebut (Wallah A'lam |2018). Contoh lain yang menunjukkan bukti keberhasilan *al-Mujarrabat* adalah perkhabaran yang diceritakan oleh Ibn Taimiah yang mana beliau pernah mengatakan kepada Ibn Qayyim bahawa dua nama Allah "*al-Hayyu*" dan "*al-Qayyum*" itu mempunyai keberkesanan yang hebat di dalam menghidupkan hati. Ibn Taimiah juga mengisyaratkan bahawa kedua-dua nama tersebut adalah *ismu al-A'zam*. Ibn Qayyim juga meriwayatkan daripada Ibn Taimiah bahawa sesiapa yang istiqamah dalam mengucapkan "*Ya Hayyu Ya Qayyum, La Ilaha Illa Anta, Birahmatika Astaghith*" sebanyak 40 kali, setiap hari di antara sunat subuh dan solat subuh, maka dia akan memperoleh kehidupan hati dan hatinya tidak mati (Ibn Qayyim 6991). Terdapat lagi contoh *al-Mujarrabat* yang telah dilakukan oleh para ulama. Kebanyakannya daripada mereka telah melalui satu pengalaman dalam menguji zikir tersebut dan diambil juga secara bersanad. Semua contoh-contoh yang diberikan di atas menunjukkan bahawa bukan semua perkara pada perbuatan para salaf, boleh menjadi kayu ukur kepada kebenaran. Boleh jadi, perkara tersebut tidak dilakukan oleh para salaf secara khusus namun perbuatan tertentu mempunyai sudut persamaan secara umum. Contoh-

contoh yang diberikan juga menunjukkan bahawa para salaf sendiri melakukannya.

- (a) Perbincangan Di Dalam Isu Menggunakan Ayat-Ayat Atau Zikir-Zikir Tertentu Dengan Bilangan Yang Tertentu Dan Mengkhususkannya

Isu seterusnya adalah isu menggunakan ayat-ayat atau zikir-zikir tertentu dengan bilangan yang tertentu dan mengkhususkannya. Isu ini juga menjadi punca pertikaian yang berlaku dalam isu *al-Mujarrabat*. Ahmad bin Abdullah ada menyebut di dalam tesis sarjananya bahawa mengkhususkan ayat-ayat tertentu bertujuan untuk *ruqyah* adalah dibolehkan selagi mana tidak menisbahkan pada ayat *ruqyah* itu mempunyai kelebihan dan keistimewaan sehingga mengaitkannya dengan syariat (Ahmad bin 'Abdullah 1432). Ibn Taimiah telah menukilkan daripada pendapat Ahmad bin Hanbal bahawa keharusan untuk menulis sesuatu ayat untuk meruqyah pada pesakit sama ada dengan ayat al-Quran atau zikir-zikir (Ibn Taimiah 1995). Di sini mengisyaratkan bahawa Ibn Taimiah sendiri membolehkan seseorang itu mengkhususkan ayat-ayat tertentu untuk *ruqyah* selagi mana tidak menisbahkannya kepada syariat.

Abu Shamah menyebut bahawa seseorang yang menghimpunkan ayat-ayat tertentu untuk dibacakan ketika meruqyah dan menamakannya dengan ayat penjaga atau pendering, maka perbuatan tersebut tiada asal. Semua itu adalah perbuatan yang bidaah (Abu Shamah 1978). Ibn Qayyim dan Ibn Taimiah berpendapat meluaskan maksud kalimah "mengkhususkan" sekiranya ia berkait dengan perkara *al-Mujarrabat*. Ibn Qayyim sendiri telah menceritakan mengenai perihal gurunya Ibn Taimiah, apabila ditimpa dengan kesakitan atau kelemahan akal, maka beliau membacakan ayat yang dinamakan dengan al-Sakinah. Tujuan dinamakan dengan nama tersebut adalah kerana di dalam ayat tersebut terdapat perkataan al-Sakinah (Ibn Qayyim 1996). Ibn Taimiah juga pernah menulis pada dahinya ayat al-Quran di dalam surah Hud ayat ke 44 (Ibn Qayyim t.th.). Hal ini menunjukkan bahawa perbuatan mengkhususkan ayat-ayat tertentu untuk perkara *al-Mujarrabat* adalah dibolehkan walau menurut ulama yang agak keras, selagi mana ia tidak beriktikad bahawa ayat perbuatan tersebut adalah daripada syariat.

Pendapat mereka yang membolehkan untuk mengkhususkan sesuatu doa atau ibadah tertentu adalah berdasarkan kepada beberapa dalil. Mufti Mesir, Shauqi Ibrahim `Allam menyebut bahawa perkara bidaah yang kebanyakan para ahli ilmu zaman kini membuat dakwaan mengenai mengkhususkan hari tertentu atau waktu tertentu dengan ibadah tertentu adalah bidaah merupakan dakwaan yang batil. Mengkhususkan doa tertentu pada hari tertentu adalah diharuskan (Islam `Aud 2020). Al-Qurtubi telah menyebut ketika mensyarahkan hadis mengenai “Nabi *sallallahu `alaihi wasallam* telah mendatangi Masjid Quba’ setiap hari sabtu secara menaiki tunggangan atau berjalan (Muslim t.t)” dengan mengatakan bahawa perbuatan tersebut mengisyaratkan di atas keharusan mengkhususkan sebahagian daripada hari dengan sebahagian amal soleh serta berterusan dengan perbuatan tersebut (al-Qurtubi 1996).

`Iyad bin Musa juga menyebut ketika mensyarahkan hadis tersebut bahawa ini menunjukkan dibolehkan untuk mengkhususkan sesuatu ibadah. Diriwayatkan bahawa Ibn Maslamah memakruhkan perbuatan mengkhususkan ibadah tertentu kerana ditakuti sesetengah orang akan beranggapan bahawa ia adalah sunnah. Iyad bin Musa menyebut bahawa semoga Ibn Maslamah tidak menemui hadis ini. Hadis itu juga menunjukkan bahawa diharuskan perbuatan para Imam dan orang-orang yang soleh yang telah mengkhususkan hari-hari tertentu dengan amal soleh pada hari Jumaat seperti ziarah, berehat dan lain-lain (`Iyad 1998). Al-Nawawi juga menyebut bahawa hadis itu menunjukkan keharusan perbuatan mengkhususkan sebahagian hari dengan berziarah dan ini adalah pandangan yang benar dan menurut jumhur. Menurut jumhur mengenai pendapat Ibn Maslamah yang memakruhkan perbuatan mengkhususkan ini mungkin atas dasar tidak sampai kepadanya hadis ini (Al-Nawawi t.th.).

Kesimpulannya, perihal mengkhususkan sesuatu ibadah dengan hari tertentu adalah dibolehkan menurut kedua-dua (Promediatajdid 2023) pendapat selama mana ia tidak dikaitkan dengan sesuatu keistimewaan, kelebihan atau menisbahkan kepada dalil khusus. Menurut mereka (Abu Emraan 2021) yang menghalang daripada mengkhususkan hari tertentu atau bilangan tertentu ditakuti mempunyai anggapan bahawa ia adalah syariat. Mereka menghalang daripada mengkhususkannya secara berterusan. Manakala, mereka yang membolehkan untuk mengkhususkan

ibadah tertentu dengan bilangan tertentu jika tidak menyandarkan pengkhususan tersebut adalah daripada Nabi secara khusus dan selagi mana tiada hadis yang menghalang daripada mengkhususkannya.

(b) Perbincangan Di Dalam Isu Al-Mujarrabat: Fokus Kepada Isu Menyiram Air Pada Kenderaan.

Berkenaan isu *al-Mujarrabat*, pengertian telah dibahas pada awal perbincangan ini sebelum memasuki perbincangan secara mendalam. Terdapat persoalan yang diketengahkan bahawa adakah ‘ain boleh terkena pada harta dan kenderaan? Terdapat nas-nas yang mengisyaratkan bahawa penyakit ‘ain juga boleh terkena pada sesuatu yang tidak berakal seperti harta. Nas tersebut berbunyi seperti berikut:

إذا رأى أحدكم من أخيه، أو من نفسه، أو من ماله ما يعجبه، فليبركه فإن العين حق

Terjemahannya: sekiranya seseorang daripada kamu terlihat pada saudaranya atau pada dirinya atau pada hartanya sesuatu yang mengagumkannya maka doalah akan keberkatannya. Hal ini kerana penyakit ‘ain itu adalah benar. (Ahmad 1995)

Ibn Jibrin pernah ditanya mengenai hukum memandikan mereka yang menjadi penyebab kepada orang lain terkena ‘ain. Beliau menjawab bahawa tidak boleh seseorang itu menghalang dirinya daripada dimandikan kerana dia penyebab seseorang itu terkena ‘ain. Beliau juga pernah ditanya mengenai hukum perbuatan merenjis air yang telah dicampur dengan wuduk orang yang menunjukan ‘ain tersebut. Beliau telah menjawab bahawa perbuatan tersebut tiada masalah seperti mana ‘ain itu boleh terkena haiwan, kilang, pokok-pokok, kereta-kereta dan lain-lain (Khalid bin Abdurrahman 1996). Beliau juga beralilkan dengan hadis mengenai suruhan Nabi untuk dimandikan mereka yang menjadi punca ‘ain tersebut (al-Nasai 2001). Selain itu, Nabi pernah membaca doa kepada barang yang baru diperolehi atau sesuatu yang dimanfaatkannya seperti wanita, khadam dan unta (al-Nasai 2001).

Terdapat nas menunjukkan bahawa haiwan dan perkara yang tidak bernyawa juga terkesan dengan pembacaan al-Quran. Nas yang menunjukkan perkara tersebut iaitu di dalam surah al-Baqarah yang menceritakan mengenai batu yang jatuh kerana gerun dan takut terhadap keagungan Allah (al-Baqarah 2:74). Terdapat hadis yang menunjukkan bahawa seekor kuda yang meronta-ronta ketika mana dibacakan di

sampingnya dengan surah al-Kahfi (Muslim t.th.).

Terdapat persoalan mengenai cara penjagaan kenderaan daripada *'ain*. Caranya adalah sepertimana yang dilakukan oleh para *salaf al-Salih* apabila memasuki rumah-rumah mereka atau melihat sesuatu yang mengagumkannya, maka mereka akan mengucapkan, “*Ma Sha Allah La Quwwata Illa Billah*”. Hal ini telah disebutkan oleh al-Qurtubi di dalam tafsirnya (Al-Qurtubi 1964). Ibn Kathir juga menyebut di dalam tafsirnya bahawa sesiapa yang mengagumi sesuatu daripada perihalnya, atau hartanya atau anaknya, maka ucaplah “*Ma Sha Allah La Quwwata Illa Billah*”. Terdapat hadis yang mendorong menyebut demikian (Ibn Kathir 1419). Ibn Qayyim juga pernah menyebut bahawa seseorang itu apabila dia merasakan *'ainnya* itu memudaratkan sesuatu yang lain, maka ucaplah “*Allahumma Barik 'Alaih*” (Ibn Qayyim 1994). Nabi sendiri pernah mendoakan pada air yang diberikan kepadanya dan Baginda telah mencelupkan tangannya. Baginda juga pernah merenjiskan air pada belakang Saidina 'Ali pada hari perkahwinannya sebelum bersama dengan puteri Baginda saidatina Fatimah (al-Nasai 2001). Semua kenyataan ini menunjukkan bahawa di sana terdapat nas yang menunjukkan bahawa kenderaan juga boleh terlibat dalam rawatan iaitu kemungkinan sesuatu kenderaan itu boleh ditimpa dengan sesuatu penyakit samada daripada sudut fizikal atau rohani walaupun kenderaan tersebut tidak bernyawa. Selain itu, perbuatan menyiram atau merenjiskan air pada sesuatu samada bernyawa atau tidak bukanlah sesuatu yang ganjil bahkan Rasulullah sendiri pernah melakukan renjisan tersebut kepada badan menantunya. Terdapat juga nas yang jelas menunjukkan bahawa Baginda telah menyuruh untuk mendoakan keberkatan pada harta dan keluarga sepertimana yang telah diterangkan di atas.

PERBINCANGAN *QIYAS AL-SHABAH* DALAM ISU *AL-MUJARRABAT*

Perbahasan *Qiyas al-Shabah* melibatkan perbahasan persoalan cabang dan persoalan asal. Setiap cabang tersebut berlaku padanya persamaan paling kurang dengan dua asal. Perbezaan dalam pengambilan asal untuk disamakan dengan persoalan cabang menjadi punca utama kepada pertikaian para agamawan.

Terdapat tiga persoalan cabang di dalam isu *al-Mujarrabat*. Setiap daripada persoalan cabang ini, telah dibincangkan perbahasan ulama pada bab yang lepas. Bahagian ini, pengkaji menerangkan sudut persamaan isu cabang dengan asal-asal yang berbeza. Isu cabang pertama adalah isu amalan yang tidak dilakukan oleh golongan *salaf*. Isu cabang kedua pula adalah isu menggunakan ayat-ayat atau zikir-zikir tertentu dengan bilangan yang tertentu dan mengkhususkannya. Terakhir adalah isu *al-Mujarrabat* sesuatu amalan itu sendiri. Adakah ia benar-benar diuji tentang keberkesannya.


1. Qiyas al-Shabah Di Dalam Isu Amalan Yang Tidak Dilakukan Oleh Golongan Salaf

Asal yang mempunyai *al-Shabah* atau persamaan di dalam isu ini adalah isu melihat sesuatu isu secara literal tanpa melihat maksud (Analisis Pengkaji). Mereka (Media Sunnah 2021) yang mempertikai perbuatan memercikkan air pada kenderaan, mengatakan perbuatan tersebut tidak dilakukan oleh para Imam *Salaf*. Hal ini kerana, mereka memahami daripada nas-nas atau sejarah secara literal atau zahir bukan pada makna. Jika mereka melihat pada makna, sudah tentu mereka tidak mempertikai perbuatan tersebut. Hal ini berdasarkan kepada bukti dalil bahawa hampir kesemua daripada Imam-imam memahami bahawa perbuatan *ruqyah* itu diumumkan kepada semua tempat sama ada pada benda, kenderaan atau manusia.

Sudah disebutkan dalil yang menunjukkan bahawa para sahabat telah meruqyah binatang dan manusia yang terkena penyakit seperti kisah keberkatan sahabat Nabi yang bernama Hanzalah yang telah diceritakan oleh perawi Zayyal. Hanzalah telah membacakan “*Bismillah*” dengan meludah di atas tangannya. Hasil daripada itu, penyakit pada manusia dan binatang itu pun hilang (Ahmad H 1995). Persamaan isu ini dengan isu pemahaman literal atau zahir adalah sangat rapat dalam persoalan ini. Kemunasabahan di antara isu cabang dengan isu asal adalah pada kenyataan yang menunjukkan kepada pemahaman literal. Isu ini juga mempunyai persamaan dengan isu kejahilan. Hal ini kerana, pendapat mereka yang berhaluan keras di dalam bab bidaah juga membenarkan perbuatan tersebut. Kemunasabahan isu cabang ini dengan asal kejahilan adalah pada sudut ketiadaan pendapat yang muktabar. Mereka

yang menerima perbuatan merenjis tersebut, sudah tentu memegang *al-Shabah* atau *wasf* pemahaman secara makna dan mengikut konteks. Hal ini kerana, dalil tersebut tidak mengkhususkan secara jelas perbuatan memercikkan air pada kenderaan. Namun,

dalil tersebut difahami melalui makna atau isyarat daripada hadis yang meruqyah binatang, benda yang tidak bernyawa dan suruhan Nabi untuk memandikan mereka yang menjadi punca *`ain* tersebut.



RAJAH 1. Pecahan isu cabang amalan yang tidak dilakukan oleh golongan salaf dan persamaannya dengan isu-isu asal.
 Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan kepada Rajah 1, dapat digambarkan secara ringkas persamaan isu cabang dengan dua isu-isu asal yang telah dibincangkan di dalam peranggan yang lepas. Setiap satu daripada persamaan tersebut mempunyai *wasf* yang menghubungkan di antara isu cabang dan isu asal.

2. Qiyas al-Shabah Di Dalam Isu Menggunakan Ayat-Ayat Atau Zikir-Zikir Tertentu Dengan Bilangan Yang Tertentu Dan Mengkhususkannya.

Asal yang terlibat di dalam isu ini adalah asal di dalam ibadat adalah dilarang dan setiap perkara di dalam ibadat yang ditetapkan nombor adalah bersifat *ta`abbudi*, maka tidak boleh mengkhususkan. Para ulama yang berpendapat tidak boleh mengkhususkan dengan bilangan tertentu serta menetapkan fadilat tertentu, berpendapat bahawa perkara ini adalah tiada ruang untuk akal mengetahui kemunasabahan bilangan tersebut. Jika ingin menetapkan bilangan, maka tidak boleh menisbarkannya kepada syarak dan tidak oleh melaziminya

dalam beramal. Mereka yang tidak menyetujui perbuatan memercikkan air pada kenderaan dengan bacaan tertentu turut mengambil persamaan asal ini. Mereka yang bersetuju dengan isu memercikkan pada kenderaan, maka mereka hanya melarang pengkhususan apabila disandarkan kepada Nabi dan syarak secara khusus sahaja.

Persamaan isu pengkhususan dengan isu nas *ta`abbudi* adalah daripada sudut ketiadaan kemunasabahan akal atau ketiadaan ruang untuk akal memahami sudut pengkhususan. Mereka yang tidak bersetuju dengan larangan pengkhususan ini, berpegang kepada ketiadaan larangan dalam isu ini dan kebanyakan dalil mengenai berzikir adalah diumumkan. *Qiyas al-Shabah* yang berat di dalam isu ini, dilihat kepada ketiadaan pengkhususan. Persamaan isu cabang ini dengan asal ketiadaan dalil larangan dan kebanyakan dalil mengenai berzikir adalah diumumkan adalah pada sudut ketiadaan dalil dan sudut keumuman ayat yang berbicara mengenai zikir.



RAJAH 2. Pecahan isu cabang menggunakan ayat-ayat atau zikir-zikir tertentu dengan bilangan yang tertentu dan mengkhususkannya dan persamaannya dengan isu-isu asal.


Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan kepada Rajah 2, dapat digambarkan secara ringkas persamaan isu cabang dengan empat isu-isu asal yang telah dibincangkan di dalam peranggan yang lepas. Setiap satu daripada persamaan tersebut mempunyai *wasf* yang menghubungkan di antara isu cabang dan isu asal.

3. Qiyas Al-Shabah Di Dalam Isu Al-Mujarrabat Sesuatu Amalan. Adakah Ia Benar-Benar Diuji Tentang Keberkesanannya?

Isu asal yang terlibat di dalam isu ini ialah isu ketiadaan dalil dan isu persangkaan. Mereka yang tidak bersetuju dengan amalan *al-Mujarrabat*, biasanya disebabkan mereka ini mengambil persamaan ketiadaan dalil. Ketiadaan dalil ini juga berpunca daripada kejahilan mengenai isu. Persamaan isu cabang ini dengan isu ketiadaan dalil adalah daripada sudut dalil naqli. Mereka yang mengatakan “tiada

dalil” biasanya adalah ingin merujuk kepada dalil naqli yang khusus. Asal lain yang terlibat adalah isu persangkaan. Mereka yang tidak bersetuju dengan isu *al-Mujarrabat* pada kebiasaannya juga mengambil persamaan atau *wasf* persangkaan. Isu *al-Mujarrabat* ini terdedah kepada persangkaan, maka ia berada di bawah pertimbangan di antara penerimaan atau penolakan. Mereka yang menerima isu ini juga mengambil persamaan persangkaan ini namun dengan maksud persangkaan yang berat. Mereka yang bersetuju dengan isu ini, mengambil juga persamaan *taqlid* atau *thiqah* dengan gurunya. Persamaan isu ini dengan isu persangkaan adalah pada had kepercayaan. Persangkaan terhadap perkara itu betul-betul berkesan atau tidak adalah bergantung kepada had kepercayaan. Persamaan isu ini dengan isu *thiqah* dan *taqlid* pula adalah pada penerimaan riwayat guru tanpa mengetahui secara mendalam mengenai asal-usul secara mendalam.



RAJAH 3. Pecahan isu cabang *al-mujarrabat* sesuatu amalan itu sendiri, adakah ia benar-benar diuji tentang keberkesannya dan persamaannya dengan isu-isu asal.

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan kepada Rajah 3, dapat digambarkan secara ringkas persamaan isu cabang dengan tiga isu-isu asal yang telah dibincangkan di dalam perangkan yang lepas. Setiap satu daripada persamaan tersebut mempunyai *wasf* yang menghubungkan di antara isu cabang dan isu asal.

Kesimpulan *Qiyas al-Shabah* di dalam isu *al-Mujarrabat* adalah terdapat tiga isu cabang yang dibincangkan. Isu cabang yang pertama adalah isu amalan yang tidak dilakukan oleh golongan *salaf*. Isu cabang kedua pula adalah isu menggunakan ayat-ayat atau zikir-zikir tertentu dengan bilangan yang tertentu dan mengkhususkannya. Terakhir pula adalah isu *al-Mujarrabat* sesuatu amalan itu sendiri. Adakah ia benar-benar diuji tentang keberkesannya? Kemunasabahan di antara isu amalan yang tidak dilakukan oleh golongan *salaf* dengan isu melihat sesuatu isu dengan literal tanpa melihat maksud itu adalah pada kenyataannya yang menunjukkan kepada pemahaman literal. Isu ini juga mempunyai persamaan dengan isu kejahilan. Hal ini kerana, pendapat mereka yang berhaluan keras di dalam bab bidaah juga membolehkan perbuatan tersebut. Mereka yang menerima perbuatan merenjis, sudah tentu memegang *al-Shabah* atau *wasf* pemahaman secara makna dan mengikut konteks.

Para ulama yang berpendapat tidak boleh mengkhususkan dengan bilangan tertentu dengan menetapkan fadilat tertentu, beralaskan bahawa perkara ini tiada ruang untuk akal mengetahui kemunasabahan bilangan tersebut. Jika ingin menetapkan bilangan, maka tidak boleh

menisbarkannya kepada syarak dan tidak oleh melaziminya dalam beramal. Mereka yang tidak menyetujui perbuatan memercikkan air pada kenderaan dengan bacaan tertentu itu akan mengambil persamaan asal ini. Mereka yang bersetuju dengan isu memercikkan pada kenderaan ini, maka mereka hanya melarang pengkhususan itu apabila disandarkan kepada Nabi dan syarak secara khusus sahaja.

PERANAN *QIYAS AL-SHABAH* DALAM PENGIMPLEMENTASIAN INI

Peranan yang dapat digali daripada isu ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui sudut kesepakatan dan sudut perbezaan isu *al-Mujarrabat*. Hal ini dapat dilihat melalui pengimplementasian *Qiyas al-Shabah* sebelum ini. Para agamawan yang agak keras menentang amalan bidaah dan menyempitkan kefahaman bidaah juga menerima perbuatan merenjiskan air pada kenderaan. Itulah titik kesepakatan dua aliran ini secara umum. Namun, mereka hanya berbeza pada hukum menisbahkan kelebihan ayat-ayat tertentu kepada syarak dan mengkhususkannya pada bentuk syariat.
2. Mengetahui punca pertelingkahan pada isu *al-Mujarrabat*. Hal ini dapat dilihat apabila mereka mengatakan bahawa hal ini tiada pada zaman *salaf*. Punca perbezaan atau pertelingkahan ini adalah disebabkan oleh sudut pandang pada

- kefahaman literal pada hadis dan *athar*.
3. Mengetahui bahawa isu *al-Mujarrabat* adalah disepakati oleh kedua-dua pihak pada hakikat secara umum. Setelah melalui perbincangan para ulama dalam permasalahan *ruqyah*. Dapat disimpulkan bahawa hampir kesemua ulama tidak menolak *al-Mujarrabat* para ulama untuk dijadikan amalan secara umumnya. Sebagaimana pengkaji memberi contoh pada perbahasan yang lepas bahawa Ibn Taimiah sendiri menceritakan mengenai *al-Mujarrabat* pada lafaz “*Ya Hayyu Ya Qayyum*”.
 4. Mengetahui kelonggaran pihak yang keras dalam isu *ruqyah*. Antara pihak yang agak keras menentang amalan-amalan yang bidaah itu adalah Abdullah Jibrin yang telah membolehkan untuk menulis *ruqyah* dengan tinta *za'faran*, kemudian dijadikan minuman dengan campuran tulisan tersebut (Khalid 1996). Selain itu Ibn Baz, Ibn `Uthaimin, Muhammad bin `Abd al-Wahhab dan lain-lain lagi.
 5. Mengenali kepentingan *al-Mujarrabat* di dalam menilai hikmah berzikir dan menilai keberkesannya terhadap penyembuhan penyakit. Hal ini dilihat melalui *al-Mujarrabat* para ulama seperti ayat yang diamalkan oleh al-Nawawi untuk mencari barang yang hilang.

KESIMPULAN

Setelah menyelami perbincangan *Qiyas al-Shabah* dan pengimplementasiannya ke dalam isu khilaf di Malaysia, dapat disimpulkan perbahasan ini kepada beberapa nilai penting antaranya adalah seperti berikut:

1. *Qiyas al-Shabah* ini merupakan instrumen yang dibincangkan di dalam bidang *Usul Fiqh*. Ia merupakan antara metode-metode yang digunakan oleh ulama' *Usul Fiqh* dalam mengeluarkan *`illah* atau menentukan kedudukan *`illah* tersebut. Sepertimana yang diketahui bahawa *`illah* itu adalah punca hukum yang dikeluarkan oleh ulama daripada nas-nas tertentu.
2. Penggunaan Disiplin *Qiyas al-Shabah* juga dapat memupuk sifat keterbukaan. Kerana teori ini telah memberi sudut kepelbagaian pemahaman terhadap sesuatu nas dan isu. Kepelbagaian inilah, telah memberi sudut penghujahan yang diterima. Tidak dinafikan bahawa di sana terdapat banyak lagi konsep

- yang boleh membawa kepada keterbukaan bahkan keringanan dalam mempraktikkan suatu pendapat seperti konsep *al-Talfiq* (Mohd Hafiz et al. 2022) dengan kefahaman yang benar dan mengikut kepada disiplin yang tepat.
3. Hampir semua ulama menerima amalan yang bersandarkan kepada *al-Mujarrabat*. walaupun dalam kalangan mereka yang literal dalam memahami nas-nas syariat.
 4. Pengimplementasian instrumen *Qiyas al-Shabah* ke dalam isu *al-Mujarrabat* yang diperbahaskan oleh para agamawan di Malaysia, dapat menjelaskan titik perbezaan dan mengembalikan perbezaan yang berupa percanggahan kepada perbezaan yang berupa kepelbagaian. Terdapat perbezaan tidak diraikan di dalam isu ini, antaranya adalah perbezaan disebabkan oleh kesilapan dalam memberi hujah seperti dakwaan bahawa amalan tertentu seperti merenjis air pada sesuatu adalah tidak wujud di dalam amalan para salaf. Begitu juga, dakwaan mengatakan bahawa amalan zikir tertentu yang tidak diamalkan oleh Nabi adalah menyalahi sunnah.
 5. Dapat memahami bahawa antara punca ketegangan khilaf yang berlaku ini adalah berpunca daripada tanggapan seseorang individu terhadap individu yang lain dengan tanggapan bahawa “kamu menyalahi sunnah” seperti di dalam persoalan isu amalan merenjis air atau membacakan doa pada air. Mereka yang tidak bersetuju dengan amalan tersebut akan mengatakan bahawa perbuatan tersebut menyalahi sunnah.
 6. *Qiyas al-Shabah* dapat menentukan arah pandangan seseorang individu sehingga dapat difahami pegangannya terhadap isu tertentu. Hal ini dapat dilihat pada pembahagian isu kepada asal dan isu cabang. Pembahagian ini telah menjelaskan sudut pandangan seseorang agamawan terhadap isu *al-Mujarrabat*. Seperti pendapat beberapa agamawan yang tidak bersetuju dengan penetapan bilangan pada zikir dan bacaan ayat-ayat tertentu.

Inilah enam ringkasan kesimpulan daripada kajian *Qiyas al-Shabah* ini, penulis berharap supaya instrumen *Qiyas al-Shabah* ini dapat difahami oleh kebanyakan agamawan-agamawan di Malaysia. seterusnya mengimplementasikan teori ini ke dalam isu-isu yang ingin diperbincangkan.

SUMBANGAN PENGARANG

Nik Mohd Sofa'Urrahman: selaku penulis utama yang menyusun, yang mencadangkan tajuk, membina teori dan melengkapkan huraian, menyemak susunan dan tajuk-tajuk kecil yang dipersembahkan di dalam kertas kerja, menyemak draf akhir dan memastikan artikel diserahkan semula kepada pihak jurnal untuk penerbitan. Syed Mohd Jeffri Bin Syed Jaafar: menyemak, menambahbaik kertas kerja daripada sudut menyempurnakan ayat dan mengharmonikannya. memastikan penulisan ini menepati disiplin dan tatacara penulisan jurnal. Abdul Karim Bin Ali: menyemak dan menambahbaik perkara teknikal penulisan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- 'Abd al-'Aziz Bin Abdullah Bin Baz. 1420. *Majmu' Fatawa Wa Maqalat Mutanawwi'ah*. edisi Muhammad Bin Sa'ad. Riyadh: Penerbit Dar al-Qasim Li al-Nasyr.
- 'Abd al-Malik Bin 'Abdullah Bin Yusuf Bin Muhammad al-Juwaini Imam al-Haramain. t.th. *al-Talkhis Fi Usul al-Fiqh*. edisi 'Abdullah dan Bashir Ahmad al-'Umri. Beirut: Penerbit Dar al-Bashair al-Islamiah.
- 'Abdullah bin Muhammad 'Ali Sharafuddin Abu Muhammad al-Fihri. 1999. *Sharh al-Ma' alim Fi Usul al-Fiqh*. edisi al-Sheikh 'Adil Ahmad Abd al-Maujud & al-Sheikh 'Ali Muhammad Mu'awwad. Beirut: Penerbit 'Alam al-Kutub Li al-Tiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Ta'uzi'.
- Abdull Rahman Mahmood & Wan Haslan Khairuddin. 2019. Pendekatan Sheikh Daud al-Fatani dalam menganalisis permasalahan Sifat 20. *Islamiyyat* 41(1): 99.
- Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. 1988. *al-Bidayah al-Nihayah*. edisi 'Ali Shiri. t.tp.: Penerbit Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Abu Daud Sulaiman bin al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abi Daud*. edisi *Shu'aib al-Arnaut*. t.tp.: Penerbit Dar al-Risalah al-'Alamiyah.
- Abu Emraan. 2021. Hukum Berdoa Akhir Tahun & Awal Tahun | Dr Ustaz Rozaimi Ramle. Penerbit Abu Emraan. <https://www.youtube.com/watch?v=YG8Xz2m-mw>. Retrieved on: 24 Januari 2023.
- Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. 1993. *al-Mustasfa Fi 'ilm al-Usul*. edisi Muhammad 'Abd al-Salam al-Shafi. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Abu Shamah Shihabuddin 'Abdurrahman bin Ismail bin Ibrahim al-Maqdisi. 1978. *al-Ba'ith 'Ala Inkar al-Bida' Wa al-Hawadith*, edisi 'Uthman Ahmad 'Anbar. al-Qahirah: Penerbit Dar al-Huda.
- Abu Zakariya al-Ansari. t.th. *al-Matla' Wahuwa Sharh Sheikh al-Islam Abi Yahya Zakariya al-Ansari 'Ala Matan Isaghujji Fi al-Mantiq*. Edisi Sheikh Yusuf al-Hafnawi. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-'Ilmiah..
- Adam Bin Badhrulhisham. 2015. Ahli Sunnah Wal Jamaah Dan Pemakaiannya Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. Kertas Kerja dibentangkan di dalam Simposium Akidah Dan Tasawwuf 2015. Anjuran Program Simposium Akidah Dan Tasawwuf, Kolej Universiti Islam Melaka. Melaka, 7 Mac.
- 'Aduddin 'Abdurrahman al-Ijei. 2004. *Sharh Mukhtasar al-Muntaha al-Usuli Li al-Imam Abi 'Amr 'Uthman Ibn al-Hajib al-Maliki*. edisi Muhammad Hasan Ismail. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ahmad al-Kharasani al-Nasai. 2001. *al-Sunan al-Kubra*. edisi Hasan Abd al-Mun'im Shalabi. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah.
- Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Abd al-Salam Ibn Taimiah al-Harani. 1987. *al-Fatawa al-Kubra Li Ibn Taimiah*. t.tp.: Penerbit Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ahmad bin 'Umar bin Ibrahim al-Qurtubi. 1996. *al-Mufhim Lima Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim*. edisi Muhyiddin Dib Mista, Ahmad Muhammad al-Syed, Yusuf 'Ali Badwi, Mahmud Ibrahim Bazal. Beirut: Penerbit Dar Ibn Kathir.
- Ahmad bin 'Abdullah bin Muhammad 'Ali 'Abd al-Karim. 1432. *al-Bida' al-'Amaliyah al-Muta'alliqah Bi al-Quran al-Karim*. Riyad: Penerbit Maktabah Dar al-Minhaj.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1995. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Al-Qaherah: Penerbit Dar al-Hadith.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah.
- Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali al-Kharasani al-Nasai. 2001. *al-Sunan al-Kubra*, edisi Hasan Abd al-Mun'im Shalabi. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Ibn Taimiah al-Harani. 1995. *Majmu' al-Fatawa*. edisi *Abdurrahman bin Muhammad*. Al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Su'udiyah: Penerbit Majma' al-Malik Fahd Li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- Ahmad Masfulul Fuad. 2016. Qiyas sebagai salah satu metode istinbat al-hukm. *Jurnal Mazahib* 15(1):44-45.
- Ahmad Rozaini. 2022. Bidaah Bukan Hukum, Apa Itu Bidaah ? - Tg Ahmad Rozaini Abdul Rahman Al-Hajari. Penerbit Tn Guru Ahmad Rozaini. <https://www.youtube.com/watch?v=5JfmiJqICn4>. Retrieved on: 24 Januari 2023.
- Badruddin Muhammad bin Abdullah al-Zarkashi. 1988. *al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. al-Kuwait: Penerbit Wizarah al-Awqaf al-Shu'un al-Islamiah.
- Badruddin Muhammad Bin Abdullah al-Zarkashi. *al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. t.tp.: Penerbit Dar al-Kutbiy.
- Benz Ali. 2021. Aku taknaklah pro sapa-sapa. Penerbit Benz Ali. <https://www.facebook.com/profile/100051348360539/search/?q=Aku%20taknaklah%20pro%20sapa-sapa>. Retrieved on: 7 Oktober 2022.
- Fakhruddin al-Razi. 1997. *Kitab al-Mahsul*. edisi ke-3. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah.
- Fatwa Negeri Perak. Mufti Perak. 2004. Fatwa Mengenai Zakat Atas Pendapatan (Gaji), Penerbit Warta Kerajaan Negeri Perak. http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/zakat.pdf. Retrieved on: 26 Januari 2023.
- Geng Muslim. 2018. Adakah Ada Fadhilat AIR YASSIN? - Dr. Rozaimi. Penerbit Geng Muslim. https://www.youtube.com/watch?v=pDO_ba5U_z4. Retrieved on: 24 Januari 2023.
- Ibn Abi Shaibah. 1409. *al-Musannaf Fi al-Ahadis Wa al-Athar*. edisi Kamal Yusuf. ke.1. Riyadh: Penerbit Maktabah al-Rushd.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. 1379. *Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhari*. Beirut: Penerbit Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Muhaibis. 2008. *Ja'a 'An Sheikh al-Islam Ibn Taimiah Annahu Kana Yukarriru al-Fatihah Mina al-Fajar Ila Tulu' al-Shams Fahal Hunaka Ba'sun Lau Uqtudiyat Bihi*. Penerbit Arsyif Multaqa Ahli al-Hadis. <http://www.ahlalhdceeth.com>.

- Retrieved on: 12 Ogos 2022
- Ibn Qayyim al-Jauziyah . 1996. *Madarij al-Salikin Baina Manazil*. Edisi Muhammad al-Mu'tasim. Beirut: Penerbit Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Imam Abu Ishak Al-Shirazi. 2003. *Kitab al-Luma' fi Usul fiqh*. edisi ke-2. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Imam al-Zarkashi. 1992. *al-Bahr al-Muhit*. edisi Sheikh `Abd al-Qadir `Abdullah al-'Afi, ke-2. al-Ghurdaqa: Penerbit Dar al-Safwah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Imam Ibn Hajar al-'Asqalani. 1379. *Fathul Bari Sharh Sahih Bukhari*. edisi Muhib al-Din, & Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Beirut: Penerbit Dar al-Makrifah.
- Islam Web. 2009. Hukmu Qiraah al-Quran Fi Ma' Wa Rashshahu Fi Zawaya al-Bait. Penerbit Islam Web. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/117697/%D8%AD%D9%83%D9%85-%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A1%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%82%8%B1%D8%A2%D9%86-%D9%81%D9%8A-%D9%85%D8%A7%D8%A1-%D9%88%D8%B1%D8%B4%D9%87-%D9%81%D9%8A-%D8%B2%D9%88%D8%A7%D9%8A%D8%A7-%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%8A%D8%AA>. Retrieved on: 13 Ogos 2022.
- Al-Islam `Aud. 2020. Hal al-Du'a Awwal al-'Am al-Hijri Wa Akhiruhu Bid'ah? Wa Fadilah al-Mufti Yujib. Penerbit gate.ahram, <https://gate.ahram.org.eg/News/2447373.aspx>. Retrieved on: 14 Ogos 2022.
- Isma'il, bin `Umar bin Kathir. 1419. *Tafsir al-Quran al-'Azim*, edisi Muhammad Hussain Shamsuddin. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Isra' Sulaiman. 2021. *Limadha Yatlub al-Ba'd "al-Izn Bi zikrillah Min `Ali Jum'ah Wa Usamah al-Azhari?*. Penerbit elwatannews. <https://www.elwatannews.com/news/details/5521497>. Retrieved on: 14 Ogos 2022.
- `Iyad bin Musa bin `Iyad bin `Amrun. 1998. *Sharh Sahih Muslim Li al-Qadi `Iyad al-Musamma Ikmal al-Mu'lim Bi Fawaid Muslim*, edisi Yahya Ismail. Misr: Penerbit Dar al-Wafa' Li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Khalid bin Abdurrahman. 1996. *al-Fatawa al-Dhahabiah Fi al-Ruqa al-Shar'iyah*. t.tp.: Penerbit Dar al-Watan.
- Khalid Mohd Ismath. 2021. Hadis ini ikut keyakinan masing-masing. Penerbit Khalid Mohd Ismath. <https://www.facebook.com/profile/100000538540410/search/?q=Setuju%20sangat%20dengan%20Ustaz%20Muhaizad%20mengenai%2022ahlul%20hadis%22>. Retrieved on: 7 Oktober 2022.
- Media Ilmu. 2022. .Sempit Pemikiran Memahami Bid'ah Macam Ni... Penerbit Media Ilmu. <https://www.youtube.com/watch?v=SmwZM0BZcK4>. Retrieved on: 24 Januari 2023
- Media Sunnah. 2021. Perbezaan Amalan Merenjis Kenderaan dengan Amalan Sunnah Bila Menerima Kenderaan Baharu || Dr Maza. Penerbit Media Sunnah. <https://www.youtube.com/watch?v=mPQpWTVvKkw>. Retrieved on: 24 Januari 2023.
- Mohamed Ali. 2019. Understanding Salafis, Salafism and Modern Salafism. *Islamiyyat* 41(1): 126, 130.
- Mohd Hafiz Jamaludin, Norhidayah Pauzi & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. 2022. Analisis terhadap faktor-faktor pengaplikasian konsep talfiq menurut ulama mu'asirin. *Islamiyyat* 44(1): 35-37.
- Muhammad bin Abi Bakar bin Ayub Ibn Qayyim al-Jauziyah. 1996. *Madarij al-Salikin Baina Manazil Iyyaka Na'bud Wa Iyyaka Nasta'in*, edisi Muhammad al-Mu'tasim Billah al-Baghdadi. Beirut: Penerbit Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Muhammad bin Abi Bakar bin Ayub Ibn Qayyim al-Jauziyah.t.th. *al-Tib al-Nabawi*. Beirut: Penerbit Dar al-Hilal.
- Muhammad bin Abi Bakar bin Ayyub Ibn Qayyim al-Jauziyah. 1994 . *Zad al-Ma`ad Fi Hadyi Khairi al-'Ibad*. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Rida al-Muzaffar. t.th. *al-Mantiq*. t.tp.: Penerbit Muassasah al-Nashr al-Islami.
- Muslim al-Naisaburi.t.th. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar*. Beirut: Penerbit Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muslim bin al-Hajjaj Abu Hasan al-Qushairi al-Naisaburi. t.th. *Sahih Muslim*. edisi Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Beirut: Penerbit Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi. 1392. *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Beirut: Penerbit Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Omar Daus. 2022. Boleh Minta Tolong Pada Orang Yang Sudah Mati? || Ustaz Khairul Ikhwan. Omar Daus. <https://www.youtube.com/watch?v=ZhytogC0VMw>. Retrieved on: 16 Nov 2021,
- Promediatajdid Short Video. 2023. Prof Dr MAZA - Perluakah Menghitung Zikir Kita?. Penerbit Promediatajdid Short Video . <https://www.youtube.com/watch?v=NEYlrEUjITg>. Retrieved on: 24 Januari 2023
- Promediatajdid Short Video. 2023. Prof Dr MAZA - Perluakah Menghitung Zikir Kita?. Penerbit Promediatajdid Short Video. <https://www.youtube.com/watch?v=NEYlrEUjITg>. Retrieved on: 24 Januari 2023
- Pusat Pungutan Zakat MAIWP. 1999. Zakat Pendapatan, Penerbit PPZ MAIWP. <https://www.zakat.com.my/info-zakat/fatwa-zakat/#1480302864437-719094d6-3490>. Retrieved on: 11 September 2022.
- Al-Qarrafi. 1973. *Sharh Tanqih al-Fusul*. edisi Taha Abd al-Rauf Sa`ad. Al-Qaherah: Penerbit Sharikah al-Tiba'ah al-Faniah al-Muttahidah.
- Al-Qurtubi. 1964. *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Al-Qaherah: Penerbit Dar al-Kutub al-Misriyah.
- Saadman Man & Abdul Karim Ali. 2005. Ikhtilaf Fiqhi Di Kalangan Aliran Shafi'iyah dan Salafiyah Di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus. *Jurnal Fiqh* 2: 74.
- Saluran Ilmu. 2022. Boleh Minta Tolong Pada Orang Yang Sudah Mati? || Ustaz Khairul Ikhwan. Saluran Ilmu. <https://www.youtube.com/watch?v=ZhytogC0VMw>. Retrieved on: 8 Januari 2023,
- Shihabuddin Ahmad bin Hamzah. t.th. Fatawa al-Ramli. t.tp.: Penerbit al-Maktabah al-Islamiah.
- Shihabuddin Ahmad bin Idris al-Qarrafi. t.th. al-Furuq: Anwar al-Buruq Fi Anwa' al-Furuq. t.tp.: Penerbit `Alam al-Kutub.
- Sirajuddin Mahmud bin Abi Bakar al-Armawi. 1988. al-Tahsil Min al-Mahsul. edisi `Abd al-Majid `Ali Abu Zuna'id. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- Suara Sunnah. 2023. Solat Sunat Ragh'ib Jumaat Pertama Dalam Bulan Rejab Merupakan Bidaah Yang Dilarang Dan Dibenci. Penerbit Suara Sunnah. <https://www.youtube.com/watch?v=iYwzi9x6wHA>. Retrieved on: 24 Januari 2023
- Syihabudin Ahmad. 2021. Merenjis Kereta Ambil Berkat??. Penerbit Syihabudin Ahmad <https://www.youtube.com/watch?v=Bl-gS0qcThE&t=318s>. Retrieved on: 10 Ogos 2022.

- Syihabudin Ahmad. 2021. Merenjis Kereta Ambil Berkat??. Penerbit Syihabudin <https://www.youtube.com/watch?v=Bl-gs0qcThE&t=318s>. Retrieved on: 10 Ogos 2022
- Taqiuddin al-Subki & Taj al-Subki. 1981. *al-Ibhaj Sharh al-Minhaj. edisi Sha'ban Muhammad Ismail*. al-Qahirah: Penerbit Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyah.
- Wallaah A'lam. 2018. Wallah A'lam | al-Duktur 'Ali Jum'ah Yuwaddih Ma Hiya al-Salah al-Nariyah Wa Kayfiah Ta'diyatiha. Penerbit CBC Egypt. <https://www.youtube.com/watch?v=t4F2xInts1Q>. Retrieved on: 14 Ogos 2022.
- Worldkuliaah. 2015. *Ss Dato' Dr Asri-Amalan Siram Air Yasin Atas Kenderaan*. Penerbit Worldkuliaah. <https://www.youtube.com/watch?v=a3ZOvOtpgCI>. Retrieved on: 24 Januari 2023.
- Yahya bin Sharaf al-Nawawi. t.th. *Bustan al-'Arifin*. t.tp.: Penerbit Dar al-Rayyan Li al-Turath.
- Zaidah Zainal. 2007. Case study as a research metode. *Jurnal Kemanusiaan* 5(1): 1-6.
- Zakaria Stapa. 2011. Kedudukan pemikiran al-ash'ari dan al-maturidi dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. *Islamiyyat* 33: 38-39.
- Zakariya bin Muhammad al-Ansari. t.th. *Fath al-Rahman Bi Sharh Luqtah al-'Ajlal. edisi Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail*. Beirut: Penerbit Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Zul Azlin Razali, Nor Azian Ab Rahman & Supyan Husin. 2018. Complementing the treatment of a major depressive disorder patient with Ruqyah Shar'iyah therapy: A Malaysian case study. *Journal Of Muslim Mental Health* 12(2):46.